



LEDAKAN... Seminar Kebangsaan Teknologi Maklumat Di Perpustakaan yang berlangsung di Pulau Pinang, membolehkan para peserta bertukar-tukar pandangan dan penguasaan teknologi maklumat seterusnya mengaplikasikannya di perpustakaan masing-masing.

UUM ONLINE: Hasil daripada ledakan teknologi maklumat pada masa kini membuktikan kepentingan aplikasi teknologi dalam pelbagai bidang termasuk perkhidmatan perpustakaan telah jauh meningkat.

Hari ini, peranan perpustakaan sudah berubah daripada sebuah gedung penyimpanan maklumat kepada pusat penyebaran ilmu yang dinamik dalam penciptaan dan penemuan pengetahuan baru.

Pelbagai aktiviti rutin dapat dilakukan oleh teknologi yang diperkenalkan dan banyak perkhidmatan baru dapat dibangunkan.

Pemangku Ketua Pustakawan Perpustakaan Sultanah Bahiyah Universiti Utara Malaysia, Salleh Hudin Mustaffa berkata, kemudahan internet membolehkan perhubungan di antara sesebuah perpustakaan dilakukan dengan mudah.

"Teknologi yang digunakan juga membolehkan perpustakaan menyimpan jumlah maklumat yang besar tanpa had fizikal, tidak seperti dahulu di mana koleksi perpustakaan bergantung pada saiz lantai atau ruang fizikal sesebuah perpustakaan," katanya.

Jelasnya, perpustakaan yang menggunakan teknologi secara tidak langsung telah menukarkan peranannya daripada perpustakaan berbentuk tradisional kepada perpustakaan hibrid dan elektronik sesuai dengan peredaran zaman.

"Transformasi berlaku begitu ketara kepada perpustakaan, khasnya kepada pelanggan yang amat memerlukan maklumat secara pantas dan terkini," ujarnya pada Seminar Kebangsaan Teknologi Maklumat Di Perpustakaan di Pulau Pinang, kelmarin.

Bertemakan "Transformasi Perpustakaan Melalui Teknologi Maklumat", seminar ini menyingkap perkembangan dan transformasi yang berlaku di perpustakaan atau pusat maklumat di Malaysia hasil perkembangan teknologi maklumat masa kini.

Seminar tiga hari itu bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan penguasaan teknologi maklumat dalam kalangan peserta dan mewujudkan kolaborasi kepakaran selain memberi pendedahan teknologi maklumat terbaru.

Peserta terdiri dari 18 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan tujuh Swasta (IPTs), agensi kerajaan dan swasta termasuk Universiti Sains Malaysia, Nanyang Technological University (Singapura), Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia dan Syarikat Nervesis Sdn Bhd.

Sebanyak 14 kertas kerja dibentangkan kepada pustakawan, pensyarah, pegawai teknologi maklumat, individu pusat sumber dan pusat maklumat seluruh Malaysia.

Antara topik yang dibincangkan seperti Perpustakaan Elektronik dan Digital, *Open Source* Dalam Perkhidmatan Perpustakaan, Pengurusan Ilmu, Pengurusan Rangkaian dan Sekuriti serta *Information Common*.

Sementara itu, *Associate University Librarian (Acting)* dari The University of Auckland, New Zealand, Hester Mountfield berkata, perpustakaan perlu sentiasa berusaha untuk meningkatkan nilai tambah menerusi peningkatan fungsi perpustakaan yang boleh dicapai dengan melakukan inovasi dan kreativiti.

Ujarnya, pengurusan pengetahuan yang cekap, meningkatkan kemahiran pengurusan maklumat dan literasi serta menyediakan pelbagai bentuk perkhidmatan secara langsung meningkatkan nilai maklumat apabila ia memenuhi aspek pengukuran seperti *timeliness, accessibility, usability, quality* dan *customised*.

"Penerokaan perkhidmatan baru dilakukan dengan melaksanakan inovasi dari semasa ke semasa untuk mengadaptasi kejayaan perpustakaan luar negara seperti *information common* atau *learning common*."

"Dengan itu perpustakaan akan berintegrasi dengan kegiatan penggunaanya seterusnya akan meningkatkan kebergantungan, kepuasan dan kebolehpercayaan pengguna kepada perpustakaan."

"Perpustakaan perlu meningkatkan nilai maklumat apabila diberi pada waktu yang tepat dan dapat digunakan dengan mudah," ujarnya.

Dalam pada itu, Pustakawan Malaysian Biotechnology Corporation, Kuala Lumpur, Faizah Pakhrurazi berkata, melalui seminar ini para peserta didedahkan dengan perubahan yang selalunya diadaptasikan oleh perpustakaan sebagai tempat untuk pembacaan dan mencari bahan rujukan bagi pendidikan jarak jauh.

"Di sini kita tahu menggunakan perpustakaan sebagai pakej pendidikan jarak jauh di mana tidak lagi perlu hadir ke perpustakaan tetapi sekadar melayarinya melalui jarak jauh," katanya.

Manakala, Pegawai Perpustakaan dari Kolej Tunku Abdul Rahman Cawangan Pulau Pinang, Calvin Chuah Eng Ghee menyifatkan seminar ini membolehkan para peserta bertukar-tukar pandangan dan penguasaan teknologi maklumat seterusnya mengaplikasikannya di perpustakaan.

"Ia turut membina perspektif tentang perpustakaan yang lebih luas dalam meningkatkan pengetahuan dan jaringan kerjasama untuk memberi perkhidmatan yang lebih berkualiti, efisien dan menyeluruh kepada pelanggan," ujarnya.

Tambahnya, ia menilai kesan dan transformasi terhadap perkhidmatan perpustakaan, hasil dari penggunaan teknologi maklumat dan mewujudkan jalinan perkongsian pintar di antara perpustakaan untuk kemudahan bersama.